



JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT DAN SOLAT FARDU BERJEMAAH SERTA AKTIVITI KEAGAMAAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) MULAI 09HB NOVEMBER 2020 DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

1. PENDAHULUAN

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) COVID-19, Kerajaan Negeri telah membenarkan masjid, surau diri Jumaat (SDJ) dan surau dibuka secara mengikut zon untuk aktiviti solat fardu berjemaah.

Walau bagaimanapun, akibat dari penularan wabak Covid-19 di dalam negeri Perak semakin meningkat, Kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dikenakan bermula 9hb November 2020 hingga 6hb Disember 2020 (*tertakluk kepada perubahan).

2. TUJUAN

Garis Panduan Pelaksanaan Solat Jumaat Dan Solat Fardu Berjemaah Serta Aktiviti Keagamaan Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ini disediakan adalah sebagai panduan masyarakat untuk menunaikan ibadah tersebut di masjid, SDJ, surau yang telah mendapat kebenaran khas untuk mendirikan solat Jumaat dan surau dalam tempoh tersebut.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Mewujudkan penyelarasan dengan memastikan pelaksanaan tugas mengikut ketetapan yang ditentukan oleh pihak berkuasa.
- 3.2 Mengatur masyarakat agar mematuhi arahan PKPB Covid-19 bagi menunaikan solat fardu berjemaah, solat Jumaat dan aktiviti pengimarah.
- 3.3 Memastikan tiada jangkitan kluster atau penyebaran wabak di kalangan ahli Jemaah.

4. PANDUAN SOLAT FARDU BERJEMAAH DAN SOLAT JUMAAT DALAM TEMPOH PKPB

Selaras dengan ketetapan kerajaan dalam pelaksanaan PKPB dan meraikan nasihat keselamatan dan kesihatan yang diberikan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berikut adalah ketetapan panduan yang hendaklah dipatuhi:-

- 4.1 Solat Jumaat hanya dilaksanakan di Masjid Negeri, Masjid-masjid Utama, Masjid-masjid Daerah, Masjid-masjid Kariah, Surau Diri Jumaat (SDJ) dan surau yang telah mendapat kebenaran khas untuk mendirikan solat Jumaat.
- 4.2 Kehadiran menunaikan solat Jumaat hanya dibenarkan kepada warganegara Malaysia sahaja. Identiti para jemaah yang datang untuk bersolat hendaklah disemak dan direkodkan sebelum dibenarkan masuk ke ruang solat.
- 4.3 Jemaah hendaklah berwuduk dan membawa sejadah dari rumah dan sentiasa memakai pelitup muka sepanjang berada di kawasan masjid, SDJ dan surau.
- 4.4 Jawatankuasa Kariah dan Jawatankuasa Surau hendaklah memberikan peringatan dan penerangan ringkas kepada Jemaah untuk mematuhi garis panduan sebelum solat Jumaat dan solat berjemaah pada setiap solat fardu dimulakan. Selain itu, hendaklah memastikan Jemaah merekod kehadiran ke masjid, SDJ dan surau, mengambil suhu dan berumur kurang dari 60 tahun serta tidak mempunyai apa-apa penyakit termasuk demam, batuk dan selsema.
- 4.5 Penggunaan masjid, SDJ dan surau untuk pelaksanaan solat hendaklah mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kerajaan Negeri.

ZON / PERKARA	HIJAU (Semua mukim di negeri Perak selain dari mukim yang disenaraikan dalam Zon Merah dan Zon Kuning)*	KUNING (Mukim Taiping, Selama, Bagan Serai, Bagan Tiang, Kuala Kurau, Parit Buntar, Sitiawan, Sayong, Ipoh, Chemor, Lahat, Sungai Terap dan Batang Padang)*	MERAH (Mukim Kg Buaia, Kuala Kangsar)*
SOLAT FARDU	40 orang jemaah yang terdiri dari kalangan:- a) Pegawai Masjid, b) Anggota Jawatankuasa Kariah; dan c) ahli kariah.	23 orang jemaah yang terdiri dari kalangan: a) Pegawai Masjid; dan b) Anggota Jawatankuasa Kariah.	6 orang jemaah yang terdiri dari kalangan: a) Pegawai Masjid; dan b) Anggota Jawatankuasa Kariah.
SOLAT JUMAAT	i) 40 orang ahli Jumaat yang terdiri dari kalangan Pegawai Masjid, anggota Jawatankuasa Kariah dan ahli kariah. ii) Ahli kariah yang lain hendaklah menggantikan solat Jumaat dengan solat Zohor di rumah masing-masing.	i) 23 orang ahli Jumaat yang terdiri dari kalangan Pegawai Masjid dan anggota Jawatankuasa Kariah. ii) Ahli kariah yang lain hendaklah menggantikan solat Jumaat dengan solat Zohor di rumah masing-masing.	Ditangguhkan dan digantikan dengan solat Zohor di rumah masing-masing.
AKTIVITI PENGAJIAN	Penganjuran kuliah pengajian antara solat Maghrib dan solat Isyak serta selepas solat Subuh dibenarkan pada skala kecil.	Penganjuran kuliah pengajian antara solat Maghrib dan solat Isyak serta selepas solat Subuh dibenarkan pada skala kecil.	Semua aktiviti keagamaan ditangguhkan .
LAUNGAN AZAN	Laungan azan adalah seperti biasa dan dibuat pengumuman selepas azan seperti berikut:- “Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Azan sebentar tadi menandakan masuknya waktu solat fardu..... Sehubungan itu, para ahli kariah disarankan untuk mendirikan solat berjemaah bersama ahli keluarga masing-masing di rumah.”		

*Sumber dari Jabatan Kesihatan Negeri Perak (JKNP) sehingga 09/11/2020, 12.00 tengahari

*Penetapan warna zon mengikut Kes Daftar Semasa yang telah ditetapkan oleh JKNP

5. PENUTUP

Garis panduan ini hendaklah dipatuhi oleh semua masyarakat sama ada Jawatankuasa Kariah dan Surau, Pegawai Masjid dan Jemaah Masjid. Sebarang pelanggaran terhadap arahan dan tatacara ini akan dikenakan tindakan sewajarnya.

PENGARAH
JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
10 NOVEMBER 2020